

15 NOV 1999

MCA-Gugur

MCA GUGUR DUA PENYANDANG DI SELANGOR

PETALING JAYA, 15 Nov (Bernama) -- Anggota Parlimen Petaling Jaya Utara, Vincent Lim dan anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kampung Tunku, Khoo Ooi Seng ialah antara penyandang daripada MCA Selangor yang akan digugurkan pada pilihan raya umum ke-10 pada 29 Nov ini.

Bendahari MCA Selangor Donald Lim Siang Chai yang mengesahkan perkara itu di sini hari ini berkata dua muka baru, Chew Mei Fun dan Dr Wong Sai Hou, akan menggantikan tempat mereka sebagai calon.

Chew, Setiausaha Kebangsaan Wanita MCA akan dicalonkan bagi kawasan Parlimen Petaling Jaya Utara manakala Dr Wong, Pengerusi Bahagian MCA Petaling Jaya Utara, bagi DUN Kampung Tunku.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis perasmian sambutan Minggu Alam Sekitar peringkat negeri Selangor di sini, Lim yang juga Anggota Parlimen Petaling Jaya Selatan berkata Setiausaha Bahagian MCA Petaling Jaya Utara, Lim Choon Kin pula akan dicalonkan bertanding di kawasan DUN Damansara Utama.

Damansara Utama kini diwakili Dr Oon Hoon Geok daripada DAP.

Bagaimanapun, katanya MCA Selangor setakat ini masih belum menentukan calonnya untuk bertanding bagi kawasan Parlimen Serdang, kawasan DUN Balakong dan Seri Kembangan.

Anggota Parlimen Serdang Yap Pian Hon serta ADUN Balakong Hoh Hee Lee dan ADUN Seri Kembangan Liew Yuan Keong juga disebut-sebut tidak akan dipilih semula untuk bertanding pada pilihan raya ini.

"Penyandang yang lain-lain (dari MCA Selangor) akan dikekalkan," katanya.

Lim berkata senarai cadangan calon-calon MCA Selangor itu bagaimanapun tertakluk kepada pengesahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN).

Menurutnya MCA sebagai komponen BN diperuntukkan sebanyak enam kerusi Parlimen dan 12 kerusi Negeri di Selangor untuk ditandingi.

-- BERNAMA

SFI LAT